

15/02/1998

Selangor kekal keputusan tiada pertandingan

BENTONG: Badan Perhubungan Umno Selangor tetap dengan keputusan supaya jawatan ketua bahagian tidak dipertandingkan, kata Pengerusinya, Datuk Dr Abu Hassan Omar.

Beliau berkata, perkara itu diputuskan bagi mematuhi nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu ahli Umno menganggap nasihat itu sebagai `arahan yang perlu dipatuhi'.

"Walaupun Majlis Tertinggi (MT) Umno memutuskan bahawa semua jawatan di peringkat bahagian di seluruh negara boleh dipertandingkan, pihaknya masih mengekalkan keputusan sebelum ini.

"Bagaimanapun, kita akan menganalisis keputusan itu dalam mesyuarat 19 Februari ini dan membuat keputusan muktamad mengenai pemilihan di peringkat bahagian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima obor Sukan Malaysia ke-7 daripada Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Hassan Ismail, di hentian Janda Baik di sini, semalam.

(END)